

30/09/2000

Belia Islam mesti berani bincang agama secara terbuka

KUALA LUMPUR, Jumaat - Generasi muda Islam mestilah sanggup membincangkan secara terbuka semua perkara mengenai Islam supaya mereka mendapat persepsi lebih baik mengenai agama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perbincangan dan wacana secara terbuka itu bukan bertujuan memecahbelahkan ummah, sebaliknya untuk mengukuhkan lagi perpaduan serta persaudaraan sesama Islam.

"Berfikir dan mendalami sesuatu mengenai agama adalah penting untuk Islam. Ini bukan bermakna kita menolak perintah Allah, tetapi mendalaminya kerana manusia adalah ciptaan yang mulia dan tinggi di sini Allah.

"Usaha mewujudkan pemikiran dan idea yang baik dalam semua bidang serta tidak terikat kepada soal ibadah saja, amat diperlukan bagi melahirkan kepimpinan Islam," katanya ketika merasmikan Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di sini hari ini.

Wacana sehari anjuran Forum Pelajar Sains Politik UIAM untuk memahami kepentingan kepimpinan dan meningkatkan intergrasi generasi muda Islam itu turut dihadiri Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Presiden UIAM, Tan Sri Sanusi Junid.

Dr Mahathir berkata, apabila perbincangan dibuat ada umat Islam yang dipengaruhi oleh golongan yang mendakwa sebagai pemimpin Islam semata-mata kerana mereka boleh mentafsir al-Quran dan Hadis.

"Umat Islam yang dipengaruhi oleh golongan kononnya pemimpin ini akan melakukan apa saja disuruh oleh pemimpin itu secara taksab dan ini boleh memecahbelahkan perpaduan ummah.

"Pemimpin seperti ini juga terlalu mudah menyifatkan orang yang tidak mengikut mereka sebagai kafir sehingga sanggup menghalalkan pembunuhan sesama Islam," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta umat Islam berfikir secara bijak dan tidak dipengaruhi oleh salah tafsiran al-Quran kerana ini boleh membawa imej buruk kepada mereka serta agama.

"Ada di kalangan umat Islam yang tidak mahu membincangkan mengenai soal agama tetapi mengikutnya saja. Mereka ini merasakan tidak perlu ada perbincangan kerana otak tidak dapat mentafsir agama.

"Sebenarnya, Allah mengurniakan manusia akal agar kita menggunakannya untuk membincang dan mentadbir agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, mereka yang tidak menggunakan akal untuk memilih perkara benar dan salah akan menjadi seperti robot yang melakukan sesuatu seperti diarahkan.

"Hakikatnya ialah apabila kita amalkan Islam, kita amalkannya mengikut tafsiran seseorang yang berilmu atau ulama yang terdiri daripada manusia yang tidak menerima ajaran terus daripada Allah.

"Oleh kerana umat Islam tidak ada pilihan melainkan menerima tafsiran seperti yang dibuat dan oleh kerana tafsiran ini dibuat oleh manusia biasa, ada kemungkinan sesetengah daripada tafsiran ini tersilap," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata persiapan utama umat Islam untuk menghadapi cabaran dunia ialah meningkatkan pengetahuan dalam teknologi maklumat dan sains nuklear bagi mengukuhkan ekonomi serta pertahanan.

"Islam sendiri menuntut umatnya membuat persiapan untuk mempertahankan agama. Persiapan kini bukan lagi dengan kuda dan pedang, sebaliknya senjata moden seperti kereta kebal, jet pejuang, kapal selam dan senjata

nuklear.

"Persiapan ini tidak akan dicapai jika umat Islam mementingkan diri sendiri dengan menumpukan ibadah fardu ain seperti solat dan puasa saja, tetapi mengetepikan tuntutan fardu kifayah," katanya.

Dr Mahathir berkata, orang yang menunaikan ibadah untuk diri sendiri saja akan turut berdosa, jika mereka tidak turut bertanggungjawab menunaikan fardu kifayah.

"Dalam masyarakat ada kumpulan yang menolak fardu kifayah dan menyerahkannya kepada orang lain. Sebaliknya, kumpulan ini berfikir fardu ain semata-mata untuk masuk syurga, tetapi sebenarnya mereka turut berdosa," katanya.

Beliau berkata, umat Islam akan gagal dan berdosa jika mereka tidak menguasai pelbagai ilmu bagi memperbaiki diri dan berkeupayaan untuk membantu masyarakat Islam antarabangsa.

"Agama bukan semata-mata satu amalan jika dilihat dari sudut yang sempit kerana ia memerlukan lebih daripada itu untuk memperolehi ganjaran bagi bekalan ke syurga," katanya.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata perlu ada umat Islam menumpukan soal agama, tetapi kelompok besar perlu menunaikan fardu kifayah yang menuntut usaha bersungguh-sungguh mengukuhkan umat Islam.

(END)